



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 52 / 2022

MENJELANG PROSES PENGUNDIAN PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017 PADANG SERAI DAN DEWAN NEGERI N.42 TIOMAN, PAHANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menjalankan semakan peralatan mengundi seperti peti undi, dakwat pilihan raya, kertas undi, petak undi dan sebagainya untuk kegunaan bagi proses pengundian yang akan dijalankan pada **7 Disember 2022**.
2. Semakan ini untuk memastikan kesemua peralatan atau kelengkapan bagi pengundian lengkap dan berkeadaan baik. Kesemua peralatan ini diagihkan kepada Ketua-Ketua Tempat Mengundi (KTM) bagi setiap Saluran Mengundi.
3. Sebanyak **46 Pusat Mengundi** dan **230 Tempat Mengundi (Saluran)** akan dibuka untuk tujuan pengundian bagi Bahagian

Pilihan Raya **Parlimen P.017 Padang Serai** yang juga melibatkan seramai **2,468 orang petugas** akan bertugas bagi proses pengundian ini nanti. Manakala bagi **Bahagian Pilihan Raya Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** pula, sebanyak **17 Pusat Mengundi** yang mengandungi **52 Tempat Mengundi** akan dibuka melibatkan **506 orang petugas**.

4. Seramai **132,955 orang pengundi** bakal mengundi di **Parlimen P.017 Padang Serai** dan seramai **28,108 orang** akan mengundi di **Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang**. SPR berharap semua pengundi menjalankan tanggungjawab mereka dengan keluar mengundi.
5. Adalah dimaklumkan juga, **penandaan dakwat pilihan raya** akan dibuat pada **jari kelingking tangan kiri, hanya bagi pengundi Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** yang hadir pada hari mengundi nanti.

MASA KELUAR MENGUNDI

6. Pengundi dinasihatkan supaya keluar mengundi mengikut **Masa Keluar Mengundi Yang Digalakkan** seperti mana yang tercatat pada **aplikasi MySPR Semak**. Sekiranya pengundi tidak dapat hadir pada masa keluar mengundi yang digalakkan atas sebab-sebab tertentu, pengundi masih boleh keluar mengundi mengikut kelapangan masa dari pukul **8.00 pagi hingga 6.00 petang ATAU waktu yang telah diwartakan**. Pengundi adalah dinasihatkan untuk tidak keluar mengundi pada saat-saat akhir.

7. Oleh yang demikian, pengundi adalah dinasihatkan untuk membuat semakan maklumat pengundian melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-88927018 / 03-88880040** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**.

8. SPR juga ingin mengingatkan para majikan supaya membenarkan pekerja mereka yang berdaftar sebagai pemilih untuk keluar mengundi pada **7 Disember 2022** nanti, sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

TAMAT TEMPOH RASMI BERKEMPEN

9. SPR sekali lagi mengingatkan semua pihak yang bertanding bahawa tempoh rasmi berkempen akan tamat pada jam **11.59 minit malam, 6 Disember 2022.**
10. Selepas tempoh itu berakhir, semua pihak hendaklah menghentikan sebarang bentuk aktiviti berkempen termasuk aktiviti merayu undi.
11. Mana-mana pihak **TIDAK BOLEH** meraih undi termasuklah di luar Pusat Mengundi dan juga melalui saluran media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan lain-lain.
12. SPR juga mengingatkan bahawa semua parti atau calon bertanding adalah **dilarang untuk membuka, membina atau menyelenggara barung pada Hari Mengundi** kerana perkara tersebut merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.**

LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DI TEMPAT MENGUNDI (SALURAN)

13. SPR telah memaklumkan kepada semua pengundi bahawa **penggunaan telefon bimbit** di tempat mengundi (saluran) adalah **tidak dibenarkan**. Sebagai peringatan, notis atau poster larangan penggunaan telefon bimbit akan diletakkan di luar dan di dalam tempat mengundi.
14. SPR turut menetapkan bahawa pengundi yang membawa telefon bimbit ke tempat mengundi perlu meletakkan telefon bimbit di tempat yang telah disediakan setelah menerima kertas undi dan mengambilnya semula setelah selesai mengundi.
15. Pelaksanaan tatacara pengundian yang baharu ini boleh dirujuk menerusi poster **Tatacara 10 Langkah Pengundian** yang menjelaskan proses pengundian sepenuhnya.

PENGUNDI POSITIF COVID-19

16. SPR menyarankan kepada pengundi yang positif Covid-19 untuk berhubung terus dengan Pegawai Kesihatan Daerah (PKD) bagi

mendapatkan maklumat lanjut dan sewajarnya bagi memudahkan urusan pengundian kelak.

MEMAKAI BAJU ATAU MEMBAWA *MATERIAL* BERSIMBOL PARTI ATAU BERUNSUR KEMPEN CALON

17. SPR sekali lagi menegaskan kepada semua pihak khususnya pengundi, calon dan petugas yang ingin memasuki Pusat Mengundi pada Hari Mengundi **tidak memakai baju / topi / pelitup separuh muka (facemask) atau membawa material yang mempunyai nama / lambang/ simbol / gambar parti atau calon yang bertanding atau apa-apa bahan kempen serta sebarang tagline atau slogan kempen yang menjurus atau membawa maksud sokongan atau cenderung kepada mana-mana fahaman politik.**
18. Mana-mana pengundi atau individu yang gagal mematuhi atau melanggar peruntukan yang ditetapkan boleh dihalang dari memasuki Pusat Mengundi oleh petugas pilihan raya.
19. SPR juga menyarankan semua yang terlibat dan hadir pada hari mengundi untuk memakai pelitup separuh muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa mensanitasi tangan sepanjang berada di pusat mengundi. ⁶

20. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika pilihan raya bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya serta tidak menggugat ketenteraman awam. Sebarang pelanggaran undang-undang yang berkaitan boleh dikenakan tindakan.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

6 Disember 2022 / 11 Jamadilawal 1444H